

AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES
TERANCAM 2008

PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES
TERANCAM (PERMIT, PERAKUAN, PENDAFTARAN DAN FI) 2009

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Fi

BAHAGIAN II

PERMOHONAN DAN DOKUMEN

4. Permohonan
5. Maklumat, butiran atau dokumen tambahan
6. Permohonan perlu didaftarkan dengan Konvensyen
7. Penarikan balik permohonan
8. Penggantian permit dan perakuan
9. Penyerahhakan atau pemindahan

10. Tempoh permit, perakuan dan pendaftaran

11. Tafsiran Jadual Kedua

JADUAL

AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008

PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM (PERMIT, PERAKUAN, PENDAFTARAN DAN FI) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 54 Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran dan Fi) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2009.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini “dokumen” termasuk lesen, permit, permit khas, pas pemindahan, kebenaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Pihak Berkuasa Pengurusan, kecuali Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Fi

3. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Pihak Berkuasa Pengurusan melalui apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

BAHAGIAN II PERMOHONAN DAN DOKUMEN

Permohonan

4. (1) Suatu permohonan bagi —

- (a) permit untuk mengimport mana-mana spesies terjadual;
- (b) permit untuk mengeksport mana-mana spesies terjadual;
- (c) perakuan untuk mengeksport semula mana-mana spesies terjadual;
- (d) perakuan untuk membawa masuk dari laut mana-mana spesies terjadual;
- (e) pendaftaran untuk menghasilkan haiwan dibiakkan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial; dan

- (f) suatu permit untuk mengeksport mana-mana haiwan dibiakbakakan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial,

hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Pengurusan melalui apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dan hendaklah, apabila permohonan diluluskan, membayar fi yang ditetapkan.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah perenggan (a), (b), (c), (e) dan (f) hendaklah dikemukakan dengan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Maklumat, butiran atau dokumen tambahan

5. Selepas menerima permohonan yang dibuat di bawah peraturan 4, Pihak Berkuasa Pengurusan boleh, jika ia menghendaki maklumat, butiran atau dokumen tambahan, menghendaki pemohon untuk —

- (a) memberikan apa-apa maklumat, butiran atau dokumen tambahan itu;
- (b) hadir sendiri atau melalui orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemohon untuk hadir bagi pihaknya di hadapan Pihak Berkuasa Pengurusan atau pegawai yang diberi kuasa, untuk ditemuduga; atau
- (c) mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

Permohonan perlu didaftarkan dengan Konvensyen

6. (1) Suatu permohonan yang dibuat di bawah perenggan 4(1)(f) yang terangkum di bawah Lampiran I Jadual Ketiga Akta hendaklah didaftarkan dengan Konvensyen.

(2) Jika permohonan di bawah perenggan 4(1)(f) telah didaftarkan dengan Konvensyen, permohonan itu hendaklah dianggap sebagai suatu permohonan yang dibuat di bawah Lampiran II Jadual Ketiga Akta.

Penarikan balik permohonan

7. (1) Mana-mana pemohon di bawah peraturan 4 hendaklah memastikan bahawa permohonan itu –

(a) lengkap; dan

(b) tidak mengandungi kesilapan atau perubahan yang tidak dibenarkan.

(2) Jika permohonan itu dibuat tidak mengikut kehendak yang dinyatakan di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Pengurusan –

(a) boleh menolak untuk memproses permohonan itu dan menghendaki bahawa permohonan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula; atau

(b) menghendaki permohonan baru dikemukakan.

(3) Jika pemohon gagal untuk mematuhi peraturan ini, permohonan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik tetapi tidak menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan yang baru mengikut peraturan 4.

Penggantian permit dan perakuan

8. (1) Jika suatu permit atau perakuan telah hilang atau musnah, pemegang permit atau perakuan hendaklah membuat laporan kepada polis dan memaklumkan Pihak Berkuasa Pengurusan mengenai kehilangan atau kemusnahan itu.

(2) Pemegang permit atau perakuan yang kehilangan atau kemusnahan permit atau perakuan itu boleh memfailkan permohonan baru bagi permit atau perakuan mengikut peraturan 4.

Penyerahhakan atau pemindahan

9. (1) Seseorang pemegang permit, perakuan atau pendaftaran tidak boleh menyerah hak atau memindahkan permit atau perakuan yang dikeluarkan atau pendaftaran yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan di bawah subseksyen 16(2) Akta.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pemegang pendaftaran boleh, dengan memberitahu Pihak Berkuasa Pengurusan secara bertulis mengenai niat untuk menyerah hak atau memindahkan pendaftaran dan Pihak Berkuasa Pengurusan meluluskannya, menyerah hak atau memindahkan pendaftaran itu.

Tempoh permit, perakuan dan pendaftaran

10. (1) Suatu permit atau perakuan adalah tidak sah —

(a) selepas enam bulan dari tarikh ia dikeluarkan;

(b) apabila pemegang permit atau perakuan meninggal dunia, pada waktu beliau adalah pemegang permit atau perakuan;

(c) apabila syarikat dibubarkan, jika pemegang permit atau perakuan adalah perbadanan, pada waktu ia adalah pemegang permit atau perakuan.

(2) Suatu pendaftaran adalah tidak sah □

(a) selepas setahun dari tarikh ia dikeluarkan;

(b) apabila pemegang pendaftaran meninggal dunia, pada waktu beliau adalah pemegang pendaftaran; atau

(c) apabila syarikat dibubarkan, jika pemegang pendaftaran adalah perbadanan, pada waktu ia adalah pemegang pendaftaran.

(3) Pemegang permit atau perakuan boleh membuat suatu permohonan baru mengikut peraturan 4 apabila permit atau perakuan tamat tempoh.

(4) Pemegang pendaftaran boleh memohon untuk pembaharuan pendaftaran apabila pendaftaran tamat tempoh kepada Pihak Berkuasa Pengurusan melalui apa-apa cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dan hendaklah, apabila diluluskan, membayar fi yang ditetapkan.

(5) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), Pihak Berkuasa Pengurusan mempunyai kuasa untuk memutuskan hal keadaan lain yang permit, perakuan atau pendaftaran itu disifatkan menjadi tidak sah.

Tafsiran Jadual Kedua

11. Mana-mana perkataan dalam ruang keempat Jadual Kedua yang telah ditakrifkan dalam Akta, kecuali “Pihak Berkuasa Pengurusan”, hendaklah dibaca mengikut pengertian yang dimaksudkan dalam Konvensyen.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 3)

FI

<i>Peruntukan</i>	<i>Fi (RM)</i>
Perenggan 4(1)(a), (b), (c), (d) dan (f)	50.00
Perenggan 4(1)(e)	200.00
Subperenggan 10(4)	100.00

JADUAL KEDUA
[Subperaturan 4(2)]

DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran (Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
Perenggan 4(1)(a)	Permit untuk mengimport mana-mana spesies terjadual	I	Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa saintifik negara pengeksport jika import itu dimaksudkan bagi tujuan penyelidikan, pameran atau perdagangan bukan komersial lain
		II	Permit untuk mengeksport atau perakuan untuk mengeksport semula yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengurusan negara pengeksport kecuali bagi maksud membawa masuk dari laut
		III	(a) perakuan asal atau permit untuk mengeksport yang dikeluarkan oleh negara pengeksport; atau (b) perakuan untuk mengeksport semula yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran</i> <i>(Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
			pengurusan negara pengeksporth semula
Perenggan 4(1)(b)	Permit untuk mengeksporth mana-mana spesies terjadual	I	<p>(a) permit untuk mengimport yang dikeluarkan oleh negara pengimport; dan</p> <p>(b) dokumen daripada —</p> <p>(i) Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Sabah berhubung dengan tumbuhan daratan dan balak di Semenanjung Malaysia dan Sabah; atau</p> <p>(ii) Pihak Berkuasa Pengurusan, kecuali Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, berhubung dengan spesies yang dinyatakan dalam ruang kedua</p>

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran</i> <i>(Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
			<p>dan kawasan yang dinyatakan dalam ruang ketiga bersempadan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan masing-masing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta,</p> <p>jika spesies terjadual tidak dikeluarkan daripada persekitaran terkawal.</p>
		II dan III	<p>(a) dokumen daripada —</p> <p>(i) Jabatan Perhutanan setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Sabah berhubung dengan tumbuhan daratan dan balak di Semenanjung Malaysia dan Sabah; atau</p> <p>(ii) Pihak Berkuasa Pengurusan, kecuali Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia,</p>

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran</i> <i>(Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
			<p>berhubung dengan spesies yang dinyatakan dalam ruang kedua dan kawasan yang dinyatakan dalam ruang ketiga bersetentangan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta,</p> <p>jika spesies terjadual tidak dikeluarkan dari persekitaran terkawal</p>
Perenggan 4(1)(c)	Perakuan untuk mengeksport semula mana-mana spesies terjadual	I	<p>(a) salinan yang disahkan atau salinan permit untuk mengimport yang dikeluarkan oleh negara pengimport;</p> <p>(b) permit untuk mengimport daripada negara pengimport; dan</p> <p>(c) permit untuk mengeksport yang dikeluarkan oleh negara asal atau perakuan untuk mengeksport semula daripada negara pengeksport, jika berkenaan*</p>
			(a) salinan yang disahkan atau salinan

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran</i> <i>(Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
		II dan III	<p>permit untuk mengimport yang dikeluarkan oleh negara pengimport; dan</p> <p>(b) permit untuk mengeksport, perakuan untuk mengeksport semula atau perakuan asal yang dikeluarkan oleh negara pengeksport, jika berkenaan*</p>
Perenggan 4(1)(e)	Pendaftaran untuk menghasilkan haiwan dibiakbakakan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana	I, II dan III	<p>(a) salinan yang disahkan atau salinan permit untuk mengimport yang dikeluarkan oleh negara pengimport; dan</p> <p>(b) permit untuk mengeksport dari negara asal atau perakuan untuk mengeksport semula daripada negara pengeksport, jika berkenaan; atau</p> <p>(c) dokumen daripada —</p> <p>(i) Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Sabah</p>

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran</i> <i>(Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
	spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial		<p>berhubung dengan tumbuhan daratan dan balak di Semenanjung Malaysia dan Sabah; atau</p> <p>(ii) Pihak Berkuasa Pengurusan, kecuali Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Jabatan Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, berhubung dengan spesies yang dinyatakan dalam ruang kedua dan kawasan yang dinyatakan dalam ruang ketiga bersetentangan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan masing-masing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta</p>
Perenggan 4(1)(f)	Permit untuk mengeksport mana-mana haiwan dibiakbakakan dalam	II dan III	Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan

<i>Peruntukan</i>	<i>Permohonan</i>	<i>Lampiran</i> <i>(Jadual Ketiga Akta)</i>	<i>Dokumen yang perlu dikemukakan</i>
	kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial		

Nota:

Pihak Berkuasa Pengurusan boleh meminta dokumen tersebut dikemukakan, sebagai tambahan kepada dokumen lain yang diminta, bagi maksud pemantauan aktiviti perdagangan.

Dibuat Disember 2009

[;PN(PU2)672]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar